

# **GAMIFIKASI DALAM PENDIDIKAN FIQH ISLAM: PENDEKATAN INOVATIF UNTUK MENINGKATKAN PENGLIBATAN PELAJAR**

Annasai Jamar

*Universiti Islam Selangor*

*annasai@uis.edu.my*

**Abstrak:** Dalam era digital yang semakin berkembang, kaedah pengajaran tradisional sering menghadapi cabaran dalam mengekalkan minat dan keterlibatan pelajar. Salah satu pendekatan inovatif yang boleh diambil adalah gamifikasi, yang melibatkan penggunaan elemen-elemen permainan dalam konteks bukan permainan untuk meningkatkan motivasi dan keterlibatan. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka aplikasi gamifikasi dalam pendidikan fiqh Islam dan menilai kesannya terhadap pemahaman dan keterlibatan pelajar. Melalui analisis literatur dan kajian konseptual, kertas ini akan membincangkan definisi, prinsip, dan manfaat gamifikasi, serta cabaran dan strategi pelaksanaannya dalam konteks pendidikan fiqh. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pendidik dan pembangun kurikulum dalam mengintegrasikan gamifikasi ke dalam proses pembelajaran fiqh Islam, seterusnya mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan.

**Kata kunci:** Gamifikasi, Pendidikan Fiqh, inovatif, Penglibatan pelajar,

# PERSEPSI DAN MOTIVASI PELAJAR PRASISWAZAH TERHADAP PEMBELAJARAN DIGITAL BAHASA KADAZANDUSUN

Florina Jumil<sup>1</sup>, Noorafini Kassim<sup>2</sup>, Haryantie Gopoit<sup>3</sup>

*Universiti Malaysia Sabah*

*florinaJD.olin@ums.edu.my*

**Abstrak:** Dalam konteks Pendidikan di Malaysia, kebanyakan pelajar prasiswazah telah didedahkan kepada lebih daripada satu bahasa. Proses penguasaan bahasa selain bahasa ibunda bermula dengan mempelajari sesuatu bahasa baru. Penguasaan bahasa tersebut boleh diperoleh melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara digital. Kebolehan untuk menguasai bahasa lain seperti bahasa Kadazandusun boleh meningkatkan keupayaan diri bertutur dan berkomunikasi dalam pelbagai situasi di sesuatu kawasan. Bahasa Kadazandusun merupakan salah satu bahasa pilihan pelajar prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti persepsi dan motivasi pelajar prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah yang bukan berbangsa Kadazandusun terhadap pembelajaran digital dalam bahasa Kadazandusun. Seramai 50 orang pelajar prasiswazah yang mengambil kursus Bahasa Kadazandusun Tahap II pada semester 2 sesi 2023/2024 terlibat sebagai responden. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Data soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 25.0*. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa persepsi dan motivasi pelajar prasiswazah dalam pembelajaran digital bahasa Kadazandusun adalah positif. Hasil dapatan ini memberikan implikasi kepada amalan pengajaran guru bahasa Kadazandusun dalam konteks digital bertujuan untuk memperkasakan pengalaman pembelajaran sekaligus memperkasakan pencapaian dalam kalangan pelajar prasiswazah.

**Kata Kunci:** Bahasa Kadazandusun; Persepsi; Motivasi; Pelajar Prasiswazah; Pembelajaran Digital

# **PENGETAHUAN KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**

Hakimi Bin Abd Halim<sup>1</sup>, Noor Hazleena Mohd Nor Hazlee<sup>2</sup>

*Universiti Islam Selangor*

<sup>1</sup>[hakimi@uis.edu.my](mailto:hakimi@uis.edu.my), <sup>2</sup>[hazleena@uis.edu.my](mailto:hazleena@uis.edu.my)

**Abstrak:** Bahasa Arab merupakan bahasa asing yang dipelajari oleh pelajar di Malaysia. Kosakata merupakan salah satu aspek utama yang perlu dikuasai oleh seseorang dalam berbahasa terutamanya bagi pelajar yang mempelajari bahasa asing. Pengetahuan terhadap makna dan kegunaan kosakata juga adalah kayu ukur bagi menentukan tahap kemahiran berbahasa seseorang pelajar itu. Maka kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan kosakata bahasa Arab. Seramai 163 pelajar asasi Pusat Matrikulasi Universiti Islam Selangor yang mengambil kursus Asasi Pengajian Islam dan Asasi Bahasa Arab telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan set soal selidik yang telah diadaptasi dari set Inventori Pengetahuan Kosakata Bahasa Arab (PekKA). Hasil kajian mendapati pengetahuan kosakata bahasa Arab berada pada tahap lemah. Pelajar yang mempelajari bahasa Arab perlu dilatih dengan strategi-strategi yang berkesan untuk menguasai kosakata bagi menggunakannya terutamanya dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing.

**Kata kunci:** Pengetahuan Kosakata, bahasa Arab, bahasa asing

# ILMU PENGAJIAN ISLAM: INTEGRASI ALIRAN KLASIK DAN MODEN DALAM PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Hazirah Zainol Azam

*Universiti Islam Selangor*

[hazirah@uis.edu.my](mailto:hazirah@uis.edu.my)

**Abstrak:** Ilmu Pengajian Islam merangkumi semua bidang kajian mengenai agama Islam. Ia melibatkan pengajian berteraskan wahyu yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah serta sumbangan intelektual para ulama dan cendekiawan untuk memahami wahyu tersebut selain menjelaskan aspek amalan dan pelaksanaannya. Pengajian Islam dilihat sebagai satu disiplin yang terus berkembang subur dalam lipatan sejarah selama berabad dan generasi hingga terdapat pelbagai kaedah dan cara moden yang terhasil dalam memahami konteks ayat-ayat wahyu selari dengan peredaran masa dan teknologi. Justeru, objektif artikel ini ialah menyoroti integrasi aliran klasik dan moden dalam proses pembelajaran dan pengajaran khususnya pada disiplin ilmu pengajian Islam dengan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan.

**Kata kunci:** Pengajian Islam, Wahyu, Pengajaran dan Pembelajaran, Klasik, Ulama

## ANALISIS SEMANTIK *AT-TANKIR* DALAM SURAH AL-HIJR

Muhammad Sirajuddin bin Nik Abd Hadi<sup>1</sup>, Mohammad Zariff Afiq bin  
Zuriman<sup>2</sup>

*Universiti Islam Selangor*

<sup>1</sup>*sirajuddin@uis.edu.my*, <sup>2</sup>*zariffzuriman@uis.edu.my*

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menganalisis semantik *al-tankir* dalam surah al-Hijr. *Al-tankir* atau istilah lain *al-nakiroh* ialah salah satu keindahan bahasa yang digunakan dalam al-Quran yang mempunyai pelbagai tujuan dan maksud. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui konsep *al-tankir* dari sudut bahasa dan istilah, jenis-jenisnya, pembahagiannya, fungsi-fungsinya dan juga tujuan-tujuannya. Kajian ini juga akan mengambil contoh beberapa perkataan daripada ayat al-Quran yang menggunakan elemen *al-tankir* dan dijelaskan lagi fungsi *al-tankir* itu dengan menerangkan tujuan serta fungsinya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis ayat-ayat dalam surah al-Hijr yang menggunakan elemen *al-tankir*. Kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak fungsi dan tujuan *al-tankir* yang digunakan dalam al-Quran dan menunjukkan bahawa salah satu keindahan bahasa al-Quran adalah dengan penggunaan pelbagai elemen semantik termasuklah *al-tankir*.

**Kata Kunci:** *al-tankir*; *al-musnad*; *al-musnad ilaih*; *dilalah*; *wazhaif*.

# PEMPENGARUH AGAMA MEDIA SOSIAL DALAM PANDANGAN MAHASISWA MATRIKULASI UIS: TINJAUAN DAN ANALISIS

Muhamad Hilmee bin Izanee

*Universiti Islam Selangor*

*hilmee@uis.edu.my*

**Abstrak:** Pempengaruh adalah istilah yang muncul kini yang melambang seorang personaliti media sosial yang mempunyai pengaruh dan pengikut yang ramai. Dalam setiap bidang ada pempengaruh yang menjadi idola masyarakat termasuk bidang agama. Kajian ini akan meninjau penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa matrikulasi UIS dari aspek kehidupan seharian, amalan beragama dan pempengaruh agama yang menjadi ikutan. Metodologi yang digunakan untuk pemilihan sampel adalah kaedah persampelan mudah lalu data yang terkumpul dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif. Analisis kandungan turut digunakan bagi mengenal pasti data yang terkumpul. Kajian mendapati kecenderungan yang tinggi dalam kalangan responden dalam penggunaan media sosial bagi tujuan amalan beragama.

**Kata Kunci:** Media Sosial: Pempengaruh Agama: Mahasiswa Matrikulasi UIS

## **MASYARAKAT BEBAS TUNAI (CASHLESS SOCIETY) DI KALANGAN PELAJAR TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT) DI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)**

Muhammad Fansuri Mohd Zahari

*Universiti Islam Selangor*

*fansuri@uis.edu.my*

**Abstrak:** Dengan berakhirnya perintah kawalan pergerakan (PKP) disebabkan oleh wabak covid-19, tidak membawa bersama berakhirnya amalan bebas tunai. Malah, masyarakat bebas tunai atau *cashless society* pula yang wujud tanpa kita sedari. Mereka yang dahulunya tidak berminat atau tidak berani kepada jual beli secara tunai hampir ramai beralih kepada amalan bebas tunai. Pasca PKP disebabkan Covid-19, didapati golongan remaja (termasuk pelajar sekolah dan pelajar IPT) sehingga kepada dewasa umur pertengahan, seolah tidak lagi membawa wang tunai yang banyak di dalam dompet mereka bagi menjalankan urusan jual beli. Maka dengan itu, kajian kes ini akan menumpukan kepada masyarakat bebas tunai. Skop kajian kes ini pula akan tertumpu kepada sekumpulan para pelajar Teknologi Maklumat (IT) Universiti Islam Selangor (UIS) dalam urusan jual beli mereka di dalam dan di luar kawasan UIS. Dengan itu, diharap kajian kes ini dapat memberi kesimpulan berkenaan perkembangan masyarakat bebas tunai ini di kalangan pelajar IT dalam urusan jual beli mereka.

**Kata Kunci/Keywords:** masyarakat bebas tunai; *cashless society*; *cashless*; pasca PKP;

**PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI UIS; KAJIAN  
PENGUNAAN APLIKASI PENTERJEMAHAN  
UNTUK PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI  
KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI,  
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**

Muhammad Sirajuddin Nik Ab Hadi  
*Universiti Islam Selangor*  
[sirajuddin@uis.edu.my](mailto:sirajuddin@uis.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk meneliti penggunaan aplikasi penterjemahan dalam pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar Pusat Matrikulasi Universiti Islam Selangor (UIS). Seiring dengan perkembangan teknologi, aplikasi penterjemahan seperti Google Translate, Microsoft Translator, dan aplikasi khusus seperti Arabdict dan Reverso Context semakin digunakan dalam pembelajaran bahasa. Kajian ini mengkaji persepsi pelajar terhadap keberkesanan aplikasi ini serta impaknya terhadap pemahaman dan kemahiran Bahasa Arab mereka. Kaedah kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran soal selidik kepada 30 sampel pelajar Pusat Matrikulasi UIS yang mengambil kursus program Asasi Bahasa Arab. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensial untuk menilai keberkesanan dan pengaruh aplikasi penterjemahan terhadap pemahaman dan kemahiran Bahasa Arab pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan aplikasi penterjemahan dalam pembelajaran Bahasa Arab. Mereka melaporkan bahawa aplikasi ini memudahkan mereka memahami teks yang sukar dan mempercepatkan proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kelemahan yang dikenal pasti, seperti ketepatan terjemahan yang kadang-kadang tidak memadai dan kecenderungan pelajar untuk bergantung terlalu banyak pada aplikasi, mengabaikan pembelajaran mendalam dan pemahaman kontekstual bahasa. Kajian ini menyimpulkan bahawa aplikasi penterjemahan boleh menjadi alat yang berguna dalam pembelajaran Bahasa Arab jika digunakan secara bijak. Adalah penting bagi pelajar dan pendidik untuk memahami had dan potensi aplikasi ini. Kajian ini mencadangkan agar pelajar dilatih untuk menggunakan aplikasi penterjemahan sebagai alat bantu, bukan sebagai pengganti pembelajaran bahasa yang konvensional. Selain itu, kurikulum pembelajaran bahasa perlu disesuaikan untuk mengintegrasikan teknologi dengan cara yang memperkukuhkan pemahaman dan kemahiran bahasa secara menyeluruh.

**Kata Kunci:** pembelajaran; bahasa Arab; aplikasi; teknologi pendidikan; persepsi pelajar.



**MAD TA'ZIM:  
KAJIAN BERDASARKAN TURUQ RIWAYAT HAFS  
AN 'ASIM**

Muhd Thoriq Asshiddiq Bin Che Ahmad<sup>1</sup>,  
Mat Rani bin Abdul Manaf<sup>2</sup>,  
Dr. Mohammad Hazli Ismail<sup>3</sup>

*Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*

[muhdthoriq@unishams.edu.my](mailto:muhdthoriq@unishams.edu.my)

**Abstrak:** Riwayat Hafs *an 'Asim* merupakan suatu bacaan rasmi bagi bacaan al-Quran di Malaysia, begitu juga bagi majoriti negara-negara Islam di dunia. Di Malaysia ia mula diajarkan di peringkat rendah secara formal mahupun tidak formal di sekolah-sekolah mahupun secara persendirian hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi seperti universiti & lain-lain tempat seperti pusat talaqqi al-Quran dan sebagainya. Maka segala ilmu tajwid berkaitan bacaan riwayat Hafs *an 'Asim* diajarkan termasuklah “Mad Ta’zim” tanpa memperincikan *tariq* yang membawanya serta ilmu *tahrirat* yang perlu diikuti mengelakkan berlaku pertindihan *tariq*. Kajian memperincikan *tariq* bacaan riwayat Hafs *an 'Asim* yang membawa istilah “Mad Ta’zim” hanyalah datang daripada *tariq* Kamil *an al-Hammami an al-Fil* sahaja & pembacaan *tariq* ini terikat dengan *tahriratnya*. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan bagi mendapatkan ringkasan komprehensif dari penelitian-penelitian terdahulu dengan menyurvei artikel ilmiah, buku, dan sumber lain yang relevan berkaitan topik kajian. Hasilnya, kajian mendapati istilah “Mad Ta’zim” hanya boleh digunakan bagi yang membaca al-Quran riwayat Hafs *an 'Asim* daripada *tariq* Kamil sahaja, manakala penggunaan istilah “Mad Ta’zim” pada *turuq* yang lain termasuk *tariq as-Syatibiyyah* dianggap tidak sah. Dengan kajian ini, dapatlah pengajar & pelajar bidang al-Quran mengetahui sumber asal “Mad Ta’zim” dan lebih berhati-hati daripada terlalu ghairah menggunakan istilah-istilah yang kurang tepat. Semoga kajian ini memberi impak kepada percambahan ilmu bacaan al-Quran menurut riwayat Hafs *an 'Asim* untuk di talaqqikan yang mempunyai 58 *turuq* di antaranya *tariq* Kamil *an al-Hammami an al-Fil*.

**Kata kunci:** mad ta’zim, riwayat hafs an asim, tariq kamil

**PENGETAHUAN KOSA KATA BAHASA ARAB  
DALAM KALANGAN PELAJAR PUSAT  
MATRIKULASI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**

Noor Hazleena Mohd Nor Hazlee<sup>1</sup>, Hakimi Bin Abd Halim<sup>2</sup>

*Universiti Islam Selangor*

<sup>1</sup>*noorhazleena@uis.edu.my*, <sup>2</sup>*hakimi@uis.edu.my*

**Abstrak:** Bahasa Arab merupakan bahasa asing yang dipelajari oleh pelajar di Malaysia. Kosakata merupakan salah satu aspek utama yang perlu dikuasai oleh seseorang dalam berbahasa terutamanya bagi pelajar yang mempelajari bahasa asing. Pengetahuan terhadap makna dan kegunaan kosakata juga adalah kayu ukur bagi menentukan tahap kemahiran berbahasa seseorang pelajar itu. Maka kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan kosakata bahasa Arab. Seramai 163 pelajar asasi Pusat Matrikulasi Universiti Islam Selangor yang mengambil kursus Asasi Pengajian Islam dan Asasi Bahasa Arab telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan set soal selidik yang telah diadaptasi dari set Inventori Pengetahuan Kosakata Bahasa Arab (Pekka). Hasil kajian mendapati pengetahuan kosakata bahasa Arab berada pada tahap lemah. Pelajar yang mempelajari bahasa Arab perlu dilatih dengan strategi-strategi yang berkesan untuk menguasai kosakata bagi menggunakannya terutamanya dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing.

**Kata Kunci/Keywords:** Pengetahuan Kosakata Bahasa Arab, Bahasa asing

## KAEDAH NYANYIAN ALTERNATIF MUDAH MENGINGAT FORMULA TATABAHASA ARAB DI PPIB, UMS

Nor Ain Manap<sup>1</sup>, Dr. Noorafini Kassim<sup>2</sup>, Dr. Rosmah Derak<sup>3</sup>, Siti Nurul Aishah  
Abd Hamid<sup>4</sup>

*Universiti Malaysia Sabah*

*ain@ums.edu.my*

**Abstrak:** Beberapa kajian serta aplikasi pembelajaran bahasa meletakkan bahasa Arab antara lima bahasa yang paling sukar dipelajari di seluruh dunia. Bagi masyarakat Malaysia yang beragama Islam, mereka telah memperdengarkan sebutan bahasa Arab bermula apabila bayi baru lahir ke dunia dengan laungan lembut azan ataupun iqamat. Namun, setelah anak-anak ini membesar dan dewasa masih belum boleh bertutur bahasa Arab walaupun kesemua sekolah kebangsaan dibawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memasukkan silibers bahasa Arab bermula semenjak Tahun 1. Sebahagian tabika/tadika dan prasekolah juga mengajarkan subjek ini. Menyedari hakikat ini, pelbagai kaedah pdp diterapkan kepada pelajar Tahap Asas di PPIB, UMS yang berbeza latar belakang agar mereka mudah mempelajari bahasa Arab dan akhir sekali akan membantu mereka menulis dan bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Kajian ini bertujuan mengenalpasti adakah kaedah nyanyian yang diaplikasikan khas untuk pembelajaran Tatabahasa Arab memberi kesan atau tidak kepada pelajar. Kajian ini adalah kajian kuantitatif melalui pengedaran soal selidik dalam kalangan pelajar bahasa Arab. Hasil kajian mendapati, kaedah menggunakan lagu membantu pelajar dalam mengingat formula Tatabahasa Arab. Dapatan ini secara langsung memperlihatkan terdapat kesan yang positif dalam pengaplikasian kaedah nyanyian dan juga peningkatan markah pelajar.

**Kata kunci:** Kaedah nyanyian; tatabahasa Arab; bertutur

## KATA SERAPAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU DAN IMPLIKASINYA

Nor Effendy Bin Ahmad Sokri

*Universiti Islam Selangor*

*noreffendy@uis.edu.my*

**Abstrak:** Kajian ini menganalisis fenomena penyerapan kata-kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu serta implikasinya dari segi kebaikan dan keburukan. Penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu telah berlaku sejak sekian lama, seiring dengan penyebaran agama Islam di Nusantara. Proses ini telah memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan bahasa dan budaya Melayu. Objektif utama kajian ini adalah untuk: 1) Mengenal pasti jenis-jenis kata serapan Arab dalam bahasa Melayu. 2) Menganalisis perubahan fonologi dan semantik yang berlaku pada kata-kata serapan tersebut. 3) Menilai kesan positif dan negatif penggunaan kata serapan Arab dalam konteks bahasa dan budaya Melayu. Metodologi kajian adalah metod kepustakaan di mana kajian ini menggunakan bahan-bahan pustaka sebagai sumber data utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata serapan Arab telah memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu, terutamanya dalam bidang agama, pendidikan dan budaya. Walau bagaimanapun, penggunaan kata serapan yang berlebihan boleh menimbulkan cabaran dari segi pemahaman dan pengekalan identiti bahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini menyerlahkan kepentingan untuk mencapai keseimbangan antara pengayaan bahasa melalui kata serapan dan pemeliharaan keaslian bahasa Melayu. Implikasi kajian ini penting untuk perancangan bahasa, pendidikan dan pemeliharaan warisan budaya Melayu.

**Kata Kunci:** kata serapan Arab, bahasa Melayu, perubahan fonologi, perubahan semantik, identiti bahasa

# MENINGKATKAN KOMPETENSI PELAJAR PENDIDIKAN PRA-UNIVERSITI DENGAN PROGRAM KEMASYARAKATAN

Norhayati Binti Ahmad

*Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*

[hayyun66@gmail.com](mailto:hayyun66@gmail.com)

**Abstrak:** Kertas konsep ini lebih menumpukan kepada perubahan pemikiran pelajar akan kepentingan hidup bermasyarakat. Kesedaran bagi pelajar-pelajar yang berjaya dalam peperiksaan SPM ini akan membuka mata mereka akan dunia kehidupan yang sebenar. Berbagai program kemasyarakatan boleh diatur oleh pelajar-pelajar dengan dibimbing oleh guru pembimbing seperti sesi motivasi, sesi menyusun perancangan dan sesi muhasabah. Penyertaan pelajar dalam Pendidikan Pra-Universiti agar pelajar-pelajar ini menjadi lebih berkualiti, cekap dan berwawasan. Pelajar-pelajar perlu diberikan kesedaran bahawa pendidikan sebagai wadah pembangunan yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani untuk pembangunan diri sendiri dan juga masyarakat. Oleh itu, pelajar-pelajar yang terpilih ini boleh mendekati masyarakat dengan pelaksanaan program yang terancang. Sudah tentu pendidikan pembangunan ini perlu dilaksanakan dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang sesuai dengan adat ketimuran yang dapat membentuk akhlak mulia di kalangan pelajar. Kejayaan akademik akan menjadi lebih bermakna apabila pelajar dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat, disamping membina jati diri dan insaniah dengan sikap dan akhlak yang mulia.

**Kata kunci:** Pelajar Pendidikan Pra-Universiti, Program kemasyarakatan

# INTEGRASI ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA RINCHING HILIR BANGI

Normah binti Husin

*Universiti Islam Selangor*

*normah@uis.edu.my*

**Abstrak:** Kertas kajian ini mengkaji tentang integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi. Selain itu, ia menyelidik tentang persepsi guru terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan ICT yang sering mereka gunakan di sekolah. Bagi tujuan pengumpulan data, borang soal selidik secara dalam talian telah diedarkan kepada subjek kajian di mana persampelan diambil secara rawak bertujuan seterusnya ia dianalisis secara deskriptif. Sampel terdiri daripada 12 orang guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi yang mengajar sesi pagi dan sesi petang. Hasil kajian mendapati persepsi guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi terhadap integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mempelbagaikan aktiviti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran & menjadikannya lebih berkesan. Tidak dinafikan terdapat faktor-faktor yang menghalang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, antaranya adalah kekurangan peralatan ICT yang disediakan oleh pihak sekolah mendapat peratusan tertinggi diikuti oleh guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk penyediaan penggunaan ICT. Kesimpulannya, kajian mencadangkan beberapa cara untuk meningkatkan integrasi ICT dalam konteks pengajaran dan pembelajaran seperti sumber pembelajaran secara interaktif: guru dapat menggunakan sumber pembelajaran secara interaktif seperti aplikasi, permainan edukatif, dan platform belajar secara dalam talian. Ini membantu menarik minat pelajar dan membuatkan pembelajaran lebih menarik. Selain itu, media pembelajaran visual: ICT memungkinkan penggunaan media visual seperti video, animasi, dan gambar yang memperkaya pengajaran yang berkesan.

**Kata Kunci:** Integrasi ICT; Pengajaran & Pembelajaran; Persepsi Guru; Sumber Interaktif dan Komunikasi.

## KESAN PEMBELAJARAN KOPERATIF TERHADAP KONSEP KENDIRI BAGI SUBJEK PRINSIP

## PERAKAUNAN DI PUSAT MATRIKULASI, UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

Nur Fadhlina binti Mohamad Zabidey

*Universiti Islam Selangor*

[nurfadhlina@uis.edu.my](mailto:nurfadhlina@uis.edu.my)

**Abstrak:** Subjek Prinsip Perakaunan adalah salah satu subjek teras yang ditawarkan kepada pelajar program Asasi Pengurusan di UIS. Subjek Prinsip Perakaunan ditawarkan pada semester 1 pengajian dimana pelajar program Asasi Pengurusan wajib lulus subjek tersebut bagi melayakkan mereka menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kaedah terbaik untuk meningkatkan prestasi pelajar untuk subjek ini. Kajian ini dijalankan secara eksperimental melibatkan kesemua 3 orang pelajar Asasi Pengurusan semester 1 dan seorang pelajar semester 4 sebagai responden. Salah seorang daripada mereka merupakan pelajar yang mengulang. Kesemua 4 orang pelajar ini tidak mempunyai pendedahan awal di peringkat Sijil Pengajian Malaysia (SPM). Hasil kajian Zuaini Ishak (2008) menyatakan bahawa prestasi terdahulu dalam subjek matematik tidak memberi kesan terhadap prestasi subjek perakaunan. Namun, prestasi bagi subjek perakaunan mempunyai hubungan signifikan antara faktor-faktor lain seperti sikap, motivasi dan jangkakan markah. Hasil kajian beliau juga telah menunjukkan bahawa pelajar yang tidak mempunyai pendedahan awal dalam subjek perakaunan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan mereka yang mempunyai pendedahan awal dalam subjek perakaunan. Menurut Mohamad Azmi, (2010), faktor kefahaman mengenai subjek yang diajar serta kaedah dan pengajaran oleh guru didapati memainkan peranan dalam mempengaruhi keputusan peperiksaan pelajar. Menurut Ruhaznawati (2021), pensyarah memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat dan kecenderungan pelajar terhadap subjek ini.

**Kata kunci:** pembelajaran koperatif, konsep sendiri, faktor prestasi pelajar dalam subjek perakaunan, pandangan pelajar terhadap subjek perakaunan.

## PENGARUH TEKNOLOGI MAKLUMAT TERHADAP PEMBELAJARAN PELAJAR PRA UNIVERSITI

Nik Zuraihan binti Nik Mat Kamil<sup>1</sup>, Nur Hashima Binti Mohamed<sup>2</sup>

*Universiti Islam Selangor*

<sup>1</sup>*nikzuraihan@uis.edu.my*, <sup>2</sup>*hashima@uis.edu.my*

**Abstrak:** Teknologi maklumat (IT) telah mengubah landskap pendidikan, termasuk di peringkat pra universiti. Integrasi teknologi dalam bilik darjah mempengaruhi cara pelajar mengakses maklumat, berinteraksi dengan rakan sebaya, dan mencapai kejayaan akademik. Walau bagaimanapun, kesan sebenar teknologi terhadap pembelajaran pelajar pra universiti masih memerlukan penilaian yang komprehensif. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh teknologi maklumat terhadap proses pembelajaran pelajar pra universiti, dengan memberi tumpuan kepada aspek akses maklumat, interaksi sosial, dan prestasi akademik. Objektif kajian adalah untuk menilai bagaimana teknologi maklumat mempengaruhi akses pelajar kepada maklumat pendidikan serta kesan teknologi maklumat terhadap interaksi sosial antara pelajar dan juga prestasi akademik pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan teknologi maklumat memudahkan akses pelajar kepada maklumat yang lebih luas dan terkini, yang menyokong pembelajaran mereka. Ia juga meningkatkan interaksi sosial melalui platform dalam talian, yang memudahkan kerjasama dan pertukaran maklumat. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan mengenai kesan negatif seperti gangguan daripada peranti digital dan ketergantungan berlebihan yang boleh mempengaruhi tumpuan dan prestasi akademik. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi maklumat dalam pendidikan pra universiti perlu dilakukan dengan strategi yang menyeluruh dan berhemah. Pendidik dan pembuat dasar perlu mempertimbangkan pelaksanaan latihan yang berterusan untuk pelajar dan pensyarah bagi memanfaatkan teknologi secara optimum, serta menyediakan panduan untuk mengurangkan kesan negatif. Penekanan harus diberikan kepada pemantauan penggunaan teknologi untuk memastikan ia menyokong, bukan mengganggu, proses pembelajaran.

**Kata Kunci:** teknologi maklumat; pra universiti; peranti digital



# PANDANGAN PENSYARAH TERHADAP PENGUNAAN APLIKASI VISUAL DALAM PEMBELAJARAN KONSEP DAN ASAS STATISTIK

Nurkaliza Khalid

*Universiti Islam Selangor*

*nurkaliza@uis.edu.my*

**Abstrak:** Matematik dan statistik merupakan asas kepada cabang ilmu sains dan teknologi yang sangat penting dalam mempersiapkan pelajar dengan budaya berfikir secara kritikal. Realitinya, pelajar pada masa kini dilihat menghadapi cabaran tinggi dalam menyelesaikan soalan berayat dalam matematik dan statistik. Kesukaran ini secara tidak langsung membentuk pelajar yang kurang berupaya mengaitkan ilmu matematik dan statistik yang diterima dengan realiti sebenar. Pendekatan visualisasi telah digunakan sebagai satu teknik penyampaian pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu kursus yang berbentuk abstrak dan memerlukan imaginasi yang tinggi untuk pelajar fahami. Kertas kerja ini mengkaji pandangan pensyarah terhadap cadangan penggunaan aplikasi visual dalam pengajaran konsep dan asas statistik. Borang soal selidik terbuka digunakan sebagai instrumen kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan pensyarah menyokong penggunaan aplikasi visual sebagai alat bantuan pembelajaran untuk meningkatkan dan memperkukuhkan lagi pemahaman konsep dan asas statistik.

**Kata Kunci:** aplikasi visual; konsep statistik; pengajaran

## PERSEPSI PELAJAR PRA-UNIVERSITI TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Nurmaizatul Hazirah binti Mustaffa

*Universiti Islam Selangor*

*nurmaizatulhazirah@uis.edu.my*

**Abstrak:** Pelajar pra-universiti ialah pelajar yang menyambung pengajian di peringkat Tingkatan Enam, Matrikulasi, Asasi, Diploma, Politeknik Premier dan lain-lain selepas mengambil SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Semenjak dunia telah dilanda pandemik Covid-19 pada tahun 2019, Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah mengalami satu revolusi. Sesi PdP kini tidak lagi hanya berdasarkan konsep tradisional sahaja malah sistem pembelajaran secara dalam talian telah mula diperkenalkan dan semakin diperluaskan bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan. Seiring dengan pembelajaran abad ke-21, pembelajaran dalam talian telah menjadi norma baharu dengan pelajar generasi baru yang bersifat lebih kreatif dan komunitif dengan teknologi. Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi pelajar Asasi Pengurusan Pusat Matrikulasi Universiti Islam Selangor (UIS) terhadap pelaksanaan pembelajaran dalam talian bagi persediaan pembelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Asasi Pengurusan semester satu, dua dan tiga Sesi III 2023/2024 yang berjumlah 51 orang. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik yang menggunakan aplikasi *Google Form*. Terdapat tiga elemen yang telah dikaji. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan dan mempunyai kesediaan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Responden juga mempunyai persepsi yang positif dan bermotivasi untuk mengikuti kelas PdP secara dalam talian di samping mengekalkan pembelajaran secara fizikal (*hybrid*). Diharap hasil kajian ini dapat membantu pendidik dan institusi pengajian untuk membentuk modul pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian supaya lebih interaktif, menarik dan berkesan.

**Kata Kunci:** persepsi; pembelajaran dalam talian; pra-universiti

## **PERLINDUNGAN PENGGUNA E-PEMBAYARAN: TINJAUAN KEPERLUAN PENDIDIKAN AWAL KEPADA PELAJAR PRA-UNIVERSITI**

Hazirah Binti Zainol Azam<sup>1</sup>, Nurul Asikin Binti Abdul Razak<sup>2</sup>

*Universiti Islam Selangor*

<sup>1</sup>hazirah@uis.edu.my, <sup>2</sup>asikin@uis.edu.my

**Abstrak:** Penggunaan e-pembayaran semakin meluas di kalangan pelajar pra-universiti, yang terdiri daripada individu muda yang aktif dalam penggunaan teknologi. Walau bagaimanapun, kesedaran terhadap risiko dan perlindungan terhadap penggunaan e-pembayaran masih rendah dalam kalangan mereka. Pendidikan awal yang efektif mengenai keselamatan siber dan amalan-amalan perlindungan dalam e-pembayaran adalah penting untuk memastikan penggunaan yang selamat dan bertanggungjawab. Kajian ini bertujuan untuk menilai keperluan pendidikan awal mengenai perlindungan pengguna e-pembayaran dalam kalangan pelajar pra-universiti. Objektif kajian termasuk mengidentifikasi tahap pengetahuan mereka terhadap risiko e-pembayaran serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keperluan mereka terhadap pendidikan keselamatan siber. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar pra-universiti memahami kepentingan keselamatan dalam e-pembayaran, tetapi kurangnya pengetahuan mendalam mengenai teknik-teknik perlindungan seperti pengurusan kata laluan yang selamat atau penggunaan pengesahan maklumat peribadi. Kajian juga mengakui persepsi mereka yang menggambarkan keinginan untuk memperoleh lebih banyak pendidikan dan bimbingan dalam aspek keselamatan siber terutama berkaitan dengan e-pembayaran. Implikasi kajian ini menunjukkan perlunya pengembangan program pendidikan awal yang fokus kepada keselamatan siber dan perlindungan pengguna dalam e-pembayaran di institusi pendidikan tinggi. Institusi perlu mempertimbangkan untuk mengintegrasikan modul-modul khusus dalam kurikulum mereka yang mengajar aspek keselamatan dalam penggunaan teknologi e-pembayaran. Selain itu, penyedia e-pembayaran perlu meningkatkan inisiatif untuk memberikan panduan dan sokongan kepada pelajar dalam memastikan mereka dapat mengelakkan risiko dan menjalankan transaksi dengan selamat menggunakan teknologi e-pembayaran.

**Kata Kunci/Keywords:** perlindungan pengguna, pendidikan awal, pra-universiti

## **MOTIVASI PELAJAR TERHADAP KEINGINAN MELANJUTKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT UNIVERSITI: KAJIAN LEPAS**

Nurul Nadirah Zakaria

*Universiti Islam Selangor*

*nurulnadirah@uis.edu.my*

**Abstrak:** Kajian ini meneliti motivasi pelajar terhadap keinginan melanjutkan pengajian di peringkat universiti dengan merujuk kepada pelbagai kajian lepas. Pendidikan tinggi merupakan asas penting dalam pembangunan individu yang kompeten dan berdaya saing dalam pasaran kerja. Oleh itu, memahami faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk melanjutkan pengajian adalah penting bagi membentuk strategi pendidikan yang lebih berkesan. Hasil daripada analisis literatur menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi motivasi pelajar, termasuk aspirasi profesional, sokongan keluarga, persekitaran sekolah, dan pengaruh rakan sebaya. Aspirasi profesional, seperti keinginan untuk mencapai kerjaya yang berjaya dan berpendapatan tinggi, dikenalpasti sebagai pendorong utama bagi ramai pelajar. Sokongan keluarga juga memainkan peranan penting, di mana ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan memberi dorongan kuat dapat meningkatkan keyakinan dan keinginan pelajar untuk melanjutkan pengajian. Selain itu, persekitaran sekolah yang positif dan berkualiti, termasuk program bimbingan dan kaunseling yang berkesan, turut menyumbang kepada peningkatan motivasi pelajar. Pengaruh rakan sebaya juga didapati mempunyai impak yang signifikan, di mana pelajar yang dikelilingi oleh rakan-rakan yang bercita-cita tinggi lebih cenderung untuk mempunyai keinginan yang sama. Kesimpulannya, kajian ini menekankan kepentingan pendekatan holistik dalam meningkatkan motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Dengan memberi tumpuan kepada faktor-faktor motivasi yang dikenal pasti dan melaksanakan strategi sokongan yang berkesan, pihak sekolah, keluarga, dan komuniti dapat bekerjasama untuk memastikan lebih ramai pelajar mencapai potensi penuh mereka dalam pendidikan tinggi.

**Kata Kunci:** Motivasi Pelajar, Aspirasi Profesional, Sokongan Keluarga, Persekitaran Sekolah, Rakan Sebaya

# IMPAK PENGGUNAAN APLIKASI TIKTOK TERHADAP GAYA HIDUP PELAJAR PUSAT MATRIKULASI, UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)

Saidatul Khatijah Binti Ismail

*Universiti Islam Selangor*

[saidatulkhathijah@uis.edu.my](mailto:saidatulkhathijah@uis.edu.my)

**Abstrak:** Aplikasi TikTok adalah aplikasi untuk membuat dan menyebarkan pelbagai video pendek dalam format secara menegak, yang dimainkan dengan menggeser skrin ke atas atau ke bawah. Keunikan aplikasi ini adalah penggunaannya terhadap muzik tanpa risiko pelanggaran hak cipta, dan algoritma TikTok yang menjadikannya semakin popular. Berbeza dengan YouTube atau Instagram, algoritma TikTok dapat menyebarkan kandungan pengguna kepada sesiapa sahaja tanpa mengira jumlah pengikut, dengan belajar tingkah laku pengguna secara lebih pantas daripada aplikasi lain, melalui fungsi "For You Page". Namun begitu, menurut Arwansyah Kirin dan Arifki Budia Warman menerusi *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 2023, terdapat segelintir golongan remaja dan pelajar yang terlalu obses dengan aplikasi ini sehingga mengakibatkan ketagihan yang melampau sehingga memberi kesan terhadap diri mereka. Oleh itu, tujuan kajian ini bakal dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana penggunaan aplikasi TikTok memberi kesan kepada gaya hidup pelajar-pelajar di Pusat Matrikulasi, UIS. Metod kajian yang akan digunakan adalah kaedah kuantitatif untuk menganalpasti hubungan antara impak penggunaan aplikasi TikTok dengan gaya hidup pelajar Pusat Matrikulasi, UIS. Kajian ini juga akan dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik di platform *Google Form*. Data yang bakal diperoleh daripada kajian rintis ini akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan daripada kajian ini diharapkan boleh dijadikan salah satu bukti untuk mengenal pasti impak penggunaan aplikasi TikTok ini sama ada mendatangkan impak yang positif atau negatif terhadap gaya hidup pelajar Pusat Matrikulasi, UIS. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan tahap literasi media di kalangan pelajar Pusat Matrikulasi, UIS, bagi menghasilkan mahasiswa yang berkualiti.

**Kata Kunci:** Aplikasi TikTok, impak

## PENDIDIKAN STEM DAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA: TINJAUAN AWAL

Siti Zaharah Mohid<sup>1</sup>, Roslinda Ramli<sup>2</sup>

*Universiti Islam Selangor*

<sup>1</sup>[zaharahm@uis.edu.my](mailto:zaharahm@uis.edu.my), <sup>2</sup>[roslinda@uis.edu.my](mailto:roslinda@uis.edu.my),

**Abstrak:** penggunaan teknologi multimedia bagi proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) telah memberi impak yang besar dalam bidang pendidikan. Proses ini dapat menyampaikan isi kandungan pdp dengan lebih berkesan terutama dalam menyampaikan konsep yang abstrak kepada murid terutamanya dalam subjek sains. Pendidikan stem iaitu science, technology, engineering dan mathematics diperkenalkan dan diperkasa untuk menarik minat pelajar terhadap elemen-elemen sains. Kajian ini membincangkan penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pendidikan stem. Kajian menunjukkan penggunaan teknologi multimedia dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (pdp) di kalangan murid. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyoroti kajian-kajian lepas berkaitan teknologi multimedia dalam pendidikan stem. Selain turut memfokus peranan teknologi multimedia dalam pendidikan serta kelebihan dan potensi teknologi ini untuk menarik minat murid terhadap stem.

**Kata kunci:** bahan bantu mengajar, teknologi multimedia, pendidikan STEM

# PEMERKASAAN PENDIDIK MELALUI IMPAK TRANSFORMASI KEPIMPINAN MEMACU MOTIVASI PENSYARAH DI KOLEJ KOMUNITI WILAYAH UTARA

**Mardhiah Binti Shaari<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>*Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'azdzam Shah  
(UniSHAMS)*

[mardhiah.shaari@unishams.edu.my](mailto:mardhiah.shaari@unishams.edu.my)

**Yusri Azal Bin Md Yusof<sup>2</sup>**

<sup>2</sup>*Kolej Komuniti Jerai*

[yusri@kkjerai.edu.my](mailto:yusri@kkjerai.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kepimpinan transformasi pengarah kolej komuniti dalam mempengaruhi motivasi di kalangan pensyarah. Namun begitu, motivasi tidak dapat wujud dengan sendiri tanpa ada ransangan daripada luar. Tahap motivasi yang tinggi penting bertujuan meningkatkan mutu dan kualiti sumber tenaga mahir seiring dengan ledakan arus permodenan teknologi masa kini terutamanya mutu dan kualiti dalam mewujudkan pengubalan dasar pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET). Kajian ini menggunakan *Multifactor Leadership Questionnaire* (MLQ) bagi mengukur kepimpinan transformasi pengarah dan *Herzberg Motivation Factor* motivasi pensyarah. Borang soal selidik diedar di kalangan 200 orang pensyarah kolej komuniti yang terletak di Wilayah Utara yang mengandungi tiga bahagian iaitu demografi, kepimpinan transformasi dan motivasi. Hasil kajian menunjukkan tahap kepimpinan transformasi pengarah adalah tinggi, begitu juga motivasi berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi dapat ditingkatkan jika amalan kepimpinan transformasi pengarah adalah tinggi.

**Kata kunci** Kolej Komuniti; TVET; Kepimpinan Transformasi; Motivasi; Pensyarah.

## KECERDASAN BUATAN (AI) DAN MANUSIA DALAM PERSPEKTIF KOMUNIKASI

Zati Iwani binti Ismahadi

*Universiti Islam Selangor*

*zatiwani@uis.edu.my*

**Abstrak:** Komunikasi berperantaraan Kecerdasan Buatan (AI) ialah satu bentuk komunikasi baharu di mana algoritma AI mengubah suai, menambah atau menjana mesej baru. Walau bagaimanapun, AI sedikit sebanyak dapat mempengaruhi pembentukan kesan dan dinamik interpersonal dalam komunikasi manusia. Matlamat kajian ini adalah untuk menilai tahap persamaan antara komunikasi yang dihasilkan oleh AI dan yang dihasilkan oleh individu manusia dalam persekitaran dunia sebenar dari sudut kajian literatur. Selain itu, kesan penggunaan AI terhadap komunikasi interpersonal juga dikaji. Penemuan ini mendedahkan perbezaan yang ketara antara komunikasi yang dihasilkan oleh AI, dengan komunikasi dari manusia secara amnya gagal mempamerkan persamaan. Secara kolektif, hasil kajian menggariskan batasan dalam penggunaan AI dalam meniru komunikasi manusia secara semula jadi. Melalui kajian ini, terbukti kelemahan AI dalam perspektif komunikasi. Oleh itu, penggunaan AI perlu digunakan pada tempat dan keadaan yang sesuai. Sebaliknya, AI akan memberi kesan yang buruk terhadap komunikasi interpersonal manusia.

**Kata Kunci:** Kecerdasan Buatan (AI); Komunikasi Interpersonal; Perbandingan; Kesan



## KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS

**Zulifah Rini Bt Mohd Zulkifli**

*Universiti Islam Selangor*

*zulifah@uis.edu.my*

**Abstrak:** Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran telah menjadi suatu kebiasaan di kalangan para pendidik. Pemodenan teknik pengajaran menggunakan AI melibatkan integrasi teknologi canggih tidak hanya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran tetapi turut mewujudkan pengalaman belajar yang menarik dan relevan bagi pelajar masa kini. Penggunaan AI turut membantu pengajaran bahasa secara optimum, terutamanya Bahasa Inggeris. Integrasi AI dalam pengajaran Bahasa Inggeris membantu pelajar untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik dan berkesan, sekaligus meningkatkan keterlibatan dan motivasi mereka. Namun begitu, ia turut menyumbang kepada permasalahan dari sudut etika penggunaan. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan kebaikan dan kesan buruk penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran AI melalui penyelidikan sedia ada yang telah dijalankan.

**Kata kunci:** kecerdasan buatan, pengajaran bahasa, kesan penggunaan AI

## MEMAHAMI PENGALAMAN HIDUP WANITA OBESITI DAN STRATEGI DALAM MENGATASI STIGMA

Zati Iwani Ismahadi<sup>1</sup>, Alya Ahmad<sup>2</sup>

*Universiti Islam Selangor,*

*<sup>1</sup>zatiiwani@uis.edu.my, <sup>2</sup>alyaahmad@uis.edu.my*

**Abstrak:** Di Malaysia, kadar obesiti adalah tinggi, dengan lebih dari lima puluh peratus orang dewasa mengalami berat badan berlebihan atau obes. Ini bermakna separuh daripada populasi dewasa Malaysia terdedah kepada masalah ini, terutama wanita yang mempunyai kadar lebih tinggi berbanding lelaki. Data ini diperoleh daripada kaji selidik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam 2019 National Health and Morbidity Survey (NHMS). Namun, terdapat kekurangan penyelidikan yang menumpukan pada pengalaman hidup wanita obesiti dan strategi mengatasi stigma di Malaysia. Penyelidikan ini bertujuan menyediakan rangka kerja untuk meneroka obesity dan stigma. Objektif kajian termasuk: (a) meneroka pengalaman hidup wanita obesiti terhadap stigma, (b) mengenal pasti proses komunikasi yang menangani fenomena wanita obesiti terhadap stigma, dan (c) menganalisis strategi mengatasi berkesan yang digunakan oleh wanita obesiti untuk mengatasi stigma. Kajian ini menggunakan Teori Komunikasi Stigma (Stigma Communication Theory) dan Model Transaksional Tekanan dan Mengatasi (Transactional Model of Stress and Coping) untuk memahami interaksi dinamik antara stigma obesiti dan strategi mengatasi tekanan. Kajian ini memperluaskan penyelidikan sedia ada dengan memberi fokus kepada komunikasi sebagai ciri penting dalam pengalaman stigma. Interaksi dalam konteks stigma membantu menerangkan faktor komunikasi yang berperanan dalam mengatasi tekanan yang mengancam identiti. Kajian ini juga menyediakan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana komunikasi mempengaruhi pengalaman stigma. Informan mencadangkan beberapa strategi untuk mengawal stigma dalam obesiti, termasuk peningkatan pengetahuan, motivasi, dan latihan.

**Kata Kunci:** komunikasi, stigma, wanita obesiti, strategi mengatasi